

10/01/1999

Siti Zaharah menteri penuh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengumumkan pelantikan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Perdana Menteri berkata, beliau ingin membuat pembetulan pengumumannya kelmarin mengenai pelantikan Zaharah sebagai Timbalan Menteri di JPM.

"Saya ingin membuat pembetulan. Semalam, saya buat pengumuman tidak kena berkenaan Datuk Dr Siti Zaharah. Sebenarnya, jawatan beliau adalah sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bukannya Timbalan Menteri," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Ibu Pejabat Jabatan Imigresen, di Pusat Bandar Damansara, di sini semalam.

Dalam senarai rombakan Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri selepas mempengerusikan Mesyuarat Tertinggi (MT) Umno kelmarin, Ketua Pergerakan Wanita Umno itu berubah jawatan daripada Timbalan Menteri Kesihatan yang dipegangnya sejak 1995.

Dr Mahathir juga mengumumkan pelantikan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali sebagai Menteri di JPM.

Dengan pelantikan Zaharah, bermakna JPM sekarang mempunyai empat menteri, termasuk Tajol, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Senator Datuk Chong Kah Kiat.

Dr Siti Zaharah, 49, pernah mengejutkan arena politik Umno apabila dipilih menjadi Ketua Pergerakan Umno pada pemilihan parti 1996 dengan menewaskan Datuk Seri Rafidah Aziz.

Pada sidang akhbar itu juga, Perdana Menteri ditanya mengenai saman dikemukakan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Menteri Dalam Negeri; bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor; dan Kerajaan Malaysia berhubung kecederaannya ketika dalam tahanan polis.

Dr Mahathir berkata, Anwar berhak berbuat demikian mengikut saluran perundangan.

"Perlu melalui proses berkenaan... beliau mempunyai hak untuk fail saman," katanya.

Writ saman itu difailkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil melalui peguam Anwar, Karpal Singh dan Gobind Singh Deo.

Dalam pernyataan tuntutan, Anwar menamakan Menteri Dalam Negeri sebagai yang bertanggungjawab dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai defenden pertama.

Mengenai perkembangan cadangan mewujudkan badan penyiasat bebas untuk menyiasat kes kecederaan Anwar itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang mengkaji penubuhannya.

(END)